

Pak Lah mahu rakyat miliki mentaliti baru terbaik

Oleh Mior Kamarul Shahid

APABILA Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bercakap soal mentaliti kelas pertama sewaktu mengumumkan Kabinet baru Sabtu minggu lalu, ia sebenarnya menimbulkan persoalan besar. Persoalan awal yang terlintas di fikiran ialah apakah bentuk mentaliti kelas satu yang dimaksudkannya? Adakah model di dunia ini yang boleh dirujuk untuk mendapatkan gambaran jelas mengenai mentaliti kelas satu?

Apakah mentaliti rakyat Amerika Syarikat (AS), negara yang dikatakan paling maju boleh dianggap mewakili mentaliti kelas satu atau mentaliti orang Switzerland atau mentaliti masyarakat Arab. Disebabkan Abdullah pernah menyebut soal 'kemudahan dunia pertama, mentaliti dunia ketiga', maka terlintas di fikiran, mungkinkah mentaliti kelas satu yang dimaksudkannya itu ialah mentaliti negara dunia pertama.

Tiba-tiba timbul pula persoalan apakah baiknya mentaliti negara dunia pertama? Ketika dunia mengutuk mereka, mengapa pula mentaliti negara dunia pertama harus dijadikan model kita? Apakah pemahaman mereka mengenai globalisasi dan liberalisasi sebagai produk mentaliti negara dunia pertama harus diterima?

Jika mengakui mereka baik, kita harus mencontohinya. Tetapi, jika kita juga meragui agenda mereka, dengan sendirinya kita menolak cara pemikiran mereka. Mereka belum boleh dianggap sebagai negara yang memikirkan kepentingan orang ramai mengatasi kepentingan lain.

Negara dunia pertama, terutama kuasa besar penuh muslihat, permusuhan dan mengandung ciri-ciri penjajahan yang besar. Mereka boleh mengubah persepsi dunia, mencorakkan kebaikan kepada kejahatan atau sebaliknya. Untuk menghadapi mereka, kita harus terlebih dulu menerima kekalahan.

Kita tidak boleh bersaing dengan mereka dalam teknologi, manipulasi ekonomi, percuturan politik antarabangsa dan sebagainya. Tetapi, kita boleh menjadi masyarakat yang lebih baik daripada mereka jika kita mengu-

bah mentaliti kita.

Rakyat mereka diberi kebebasan seks yang keterlaluan manakala isu moral menimbulkan banyak persoalan. Mereka meletakkan kebebasan media sebagai ciri-ciri negara yang bertamadun kononnya perlu diikuti atas alasan mematuhi hak asasi, tetapi mereka memperalatkan media mereka sewenang-wenangnya untuk mencorak dunia mengikut pemikiran mereka.

Apa pun perbincangan mengenainya, yang jelas Abdullah mahukan satu bentuk mentaliti baru untuk rakyat Malaysia. Kelas satu yang dimaksudkan adalah yang terbaik. Kalau boleh dirumuskan ialah Mentaliti Baru Terbaik.

Ini adalah cabaran yang cuba ditonjolkan oleh Abdullah dan sama ada diterima atau jika perlu dipolimikkan dulu sebelum ia boleh mencetuskan satu wawasan atau gagasan baru bagi Malaysia. Golongan cendekiawan dan bijak pandai di negara ini boleh membincangkan perkara ini secara akademik sebagaimana kita berbincang soal Wawasan 2020.

Gagasan Abdullah menerusi manifesto Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu boleh memberi petunjuk yang jelas mengenai ke mana beliau mahu membawa destinasi negara. Dengan slogan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang, jelas menampakkan Abdullah mahukan Malaysia muncul sebagai sebuah negara terbaik sama ada kualiti rakyatnya, nilai hidup masyarakatnya, produk keluarannya, persekitarannya dan segala-galanya.

Oleh itu, matlamat kerajaan pimpinan beliau untuk membentuk sebuah negara yang bersih daripada gejala rasuah tidak harus

Dalam memperkenalkan konsep mentaliti baru ini, Abdullah bolehlah dianggap sebagai pereka, manakala kita perlu tahu bagaimana cara mahu membentuk model ciptaannya. Ini bermakna walau kita menerima gagasan mentaliti baru, kita juga perlu tahu menggunakannya dengan betul, bukan sekadar analisis objektif semata-mata.

dilihat sebagai omong kosong, usahanya untuk menghapuskan kerenah birokrasi dalam pentadbiran perlulah dilihat sebagai satu kenyataan misi.

Beliau mungkin sudah mencongak bahawa cara melihat sesuatu masalah secara tradisi sudah ketinggalan zaman. Beliau mahu mengorak langkah untuk mencipta sesuatu yang baru dengan cara baru, bersandarkan mentaliti baru. Untuk melihat dunia dengan mentaliti baru, bukanlah sesuatu yang tidak baik.

Asas kepada elemen bentuk mentaliti baru ialah pemikiran yang sanggup menerima perubahan kepada satu evolusi kebijaksanaan.

Mentaliti adalah satu bentuk pemikiran manusia secara individu atau dalam kelompok yang lebih besar ialah mentaliti masyarakat. Bagi pemahaman yang mudah sebagaimana dibaca dalam kamus, mentaliti bermaksud sifat kecerdasan am, peringkat kecerdasan dan cara berfikir.

Ada kamus yang memberi maksud mutu atau bentuk minda, kemampuan intelektual dan kebolehan semula jadi, pembawaan atau bakat. Ada juga kamus yang memberi makna mentaliti sebagai tabiat atau ciri-ciri pembawaan pemikiran. Satu contoh yang diberikan untuk menjelaskan makna mentaliti berbunyi: "Dia ada otak, tetapi tidak boleh berfikir".

Kalau ayat ini dikembangkan kepada satu kumpulan masyarakat, bermakna masyarakat dalam kumpulan itu tidak boleh berfikir. Tentulah kita tidak mahu dianggap sebagai masyarakat yang tidak mampu berfikir. Untuk mendorong kita berfikir memerlukan satu hentakan. Abdullah sudah pun memberi hen-

takan pertama kepada pemikiran kita.

Persamaan kepada mentaliti ialah otak, kuasa otak, kemampuan belajar, keupayaan mental dan sebagainya. Pengertian mentaliti berbeza mengikut bidang. Bidang psikologi mungkin melihat definisi mentaliti berbeza dengan bidang perubatan atau sains sosial.

Bagi pemahaman yang mudah, mentaliti baru bermaksud meninggalkan cara pemikiran lama. Perkataan topologi mungkin boleh digunakan kerana ia membawa pengertian untuk 'mendapatkan sesuatu yang lebih baik'. Topologikal bermaksud bentuk. Jadi ia boleh dirumuskan sebagai satu bentuk mentaliti berasaskan cara melihat sesuatu dengan cara yang baru.

Rakyat Malaysia pernah dikaitkan dengan mentaliti subsidi yang menunjukkan bahawa mereka tidak akan berasa selesa tanpa subsidi. Meskipun perkara ini dibangkitkan agak sekian lama, pemberian subsidi masih berterusan. Ini bermakna mentaliti baru masih belum dapat dilaksanakan.

Rakyat juga sering dikaitkan dengan mentaliti penjajah kerana segala tindak tanduk kita mengikut cara pemikiran British. Kita tidak berani menukar warisan mentaliti ini kerana menganggap cara pemikiran mereka lebih mudah diterima.

Kita juga mendengar mengenai mentaliti terkepung bila menggambarkan keadaan sebuah negara atau masyarakat yang berasa diri mereka terkongkong. Ada juga yang menggelarkan mereka sebagai masyarakat mentaliti jumud.

Rakyat Malaysia memerlukan perubahan mengikut satu bentuk mentaliti baru. Mentaliti baru tidak bermaksud satu pemikiran bentuk baru. Soal bentuk pemikiran sudah terlalu banyak diperkatakan dan sebenarnya ia bukanlah perkara baru.

La samalah dengan kita melihat model kereta baru, pelan rumah baru, produk baru, mesej baru yang diterima menerusi telefon selular dan sebagainya. Walau pun kereta baru, ia tetap kereta, begitu juga rumah, produk dan sebagainya. Yang dipertanyakan ialah apakah idea di sebalik sesuatu pemikiran baru.

Apabila Perdana Menteri bercakap soal mentaliti kelas pertama, apakah idea di belakangkannya? Inilah yang harus sama-sama kita fikirkan.

Setiap hari kita melihat pelbagai benda dan suasana baru. Ia tidak memberi kesan kepada kita. Kalau kita tidak mengambil perhatian terhadapnya. Lebih kompleks, dunia hari ini penuh dengan teks. Kita membaca di mana saja. Jika kita sekadar membaca teks, ia tidak mengubah pemikiran kita, walaupun memahami maksudnya.

Kita perlu tahu apakah mesej di sebaliknya atau apakah maknanya kepada kehidupan kita. Daripada asas yang sama, jugalah bagaimana orang membentuk ideologi, apa yang sering disebut sebagai fungsionalisme, secara simbolik, kita boleh menganggap mentaliti sebagai satu produk lama yang cuba diubah supaya menjadi baru.

Bagi mentaliti, ia mempunyai cabang dan dalam kebanyakan hal tidak dapat dilihat. Mentaliti bolehlah dianggap sebagai cabang pemikiran yang tidak boleh dilihat. Hakikatnya, dari mentaliti kita boleh melihat moral manusia. Itulah sebabnya kita boleh membekalkan sikap seorang kerana kita membaca pemikirannya.

Mentaliti yang bercabang-cabang ibarat satu produk yang dipenuhi ukiran. Ia menggambarkan pendirian yang tidak tetap. Mentaliti ibarat mahkota untuk menuju era baru. Ia memerlukan komitmen. Konsep etika boleh memainkan peranan dalam pembentukan mentaliti.

Dalam memperkenalkan konsep mentaliti baru ini, Abdullah bolehlah dianggap sebagai pereka manakala kita perlu tahu bagaimana cara mahu membentuk model ciptaannya. Ini bermakna walau kita menerima gagasan mentaliti baru, kita juga perlu tahu menggunakannya dengan betul, bukan sekadar analisis objektif semata-mata. Kita perlu iadikannya sebagai satu keinginan sosial.

Pembentukan mentaliti perlu mengasingkan estetika dan menjadikannya satu proses berorientasikan sosial. Berbeza dengan penghasilan sesuatu produk kerana ia boleh dibentuk menerusi ilusi tetapi mentaliti akan membentuk satu senario baru.